

## 16 RAKAN SEKERJA SERTAI PROGRAM PENYELARAS KESELAMATAN 16 ASSOCIATES JOIN SAFETY COORDINATORS PROGRAMME

Sebagai sebahagian daripada pendedahan industri HSE, 16 rakan sekerja dari ketiga-tiga PDC menyertai Program Penyelaras Keselamatan yang dianjurkan oleh Berjaya Aman. Program yang berlangsung sehingga 6 bulan ini melibatkan lawatan ke tapak pembinaan dan perindustrian untuk melihat aspek kesihatan dan keselamatan di tempat kerja dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan.

*As part of their HSE industry exposure, 16 associates from the three PDCs join the Safety Coordinators Programme organised by Berjaya Aman. The programme running up to 6 months involves site visit to construction and industrial sites to observe the health and safety aspects at the work sites and recommend improvement measures.*



Pemeriksaan tapak binaan oleh rakan sekerja Nexus di Berakas | Site inspection by Nexus associates in Berakas



Rakan sekerja Nexus semasa pemeriksaan tapak di Kiulap | Nexus associates during a site inspection at Kiulap

# PERKONGSIAN KAEDEAH PENANAMAN SECARA ‘HYDROPONIC’ *SHARING HYDROPONIC FARMING METHODS*



Rakan sekerja kita dari ketiga-tiga PDC pada hari Khamis, 8hb April 2021, mendapat pendedahan tentang kaedah penanaman sayur-sayuran secara ‘hydroponic’. Bertempat di ruang legar Ibu pejabat Nexus, taklimat di sampaikan oleh Dayang Norisa 'Azuma binti Mohammad Norazmi, Pengarah Agrowmetro. Sesi tersebut juga bertujuan untuk mengongsikan peluang bagi menjana pendapatan sampingan melalui penanaman secara ‘hydroponic’

Dayang Norisa 'Azuma binti Mohammad Norazmi  
Pengarah Agrowmetro Company

*Associates from the three PDCs on Thursday, 8th April 2021, were given an exposure on vegetable farming using hydroponic method. Located at Nexus HQ, the briefing was conducted by Dayang Norisa 'Azuma binti Mohammad Norazmi, Director of Agrowmetro Company. The session was also aimed at sharing opportunities on how to generate side income.*



Rakan-rakan sekerja dari ketiga-tiga PDC | Associates from all the three PDCs



Rakan sekerja menunjukkan minat pada struktur hidroponik yang dipamirkan  
The associates showing interest in the hydroponic structure on display

## RAKAN SEKERJA NEXUS IKUTI KELAS MEMBUAT KUEH ASSOCIATES JOIN BAKING CLASS

Sekumpulan rakan sekerja Nexus memanfaatkan masa mereka pada hari Jumaat, 5 April 2021 dengan mengikuti kelas membuat kuih bagi menghalusi lagi kemahiran mereka menjelang Ramadhan dan Hari Raya nanti. Ia diadakan di sebuah kediaman di Kampong Katok. Kelas tersebut menfokuskan pada dua produk popular iaitu Kek Keju Oreo dan Tat Telur dan menjadi sebahagian daripada program peningkatan bagi rakan-rakan sekerja Nexus.

*A group of Nexus associates took some time off on Friday, 2nd April last week to attend a baking class intended to perfect their baking skills ahead of Ramadhan and Hari Raya. It took place at a residence in Kg Katok area. The class focused on two popular delicacies, Oreo Cheesecake and Egg Tart and was part of the current upskilling programme for Nexus associates.*



Ketika kelas dijalankan | *The class in progress*



Para peserta kelas bergambar ramai | *The ladies in a group photo*

# NEXUS ADAKAN MAJLIS TAHLIL SEKAMPUNG

## *NEXUS ORGANISE MASS TAHLIL CEREMONY*

Kakitangan dan rakan sekerja Nexus mengadakan majlis tahlil sekampung pada hari Jumaat, 9hb April di ruang legar Ibu Pejabat Nexus. Majlis yang bermula jam 9.30 pagi itu dipimpin oleh Awang Hj Erifin bin Hj Mohd Yusof dengan membaca Tahlil dan doa yang disedekahkan kepada warga Nexus dan TelBru yang telah kembali kerahmatullah. Majlis diakhiri dengan jamuan makanan dan minuman sumbangan setiap divisyen Nexus. Turut hadir ialah Puan Hajah Nor Azura Haji Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Nexus dan ahli-ahli pengurusan Nexus.

*Nexus staff and associates held a mass tahlil ceremony on Friday, 9th April at the foyer of Nexus Headquarters. The ceremony which started at 9.30 am was led by Awang Hj Erifin bin Hj Mohd Yusof by reciting Tahlil and prayers for Nexus and TelBru staff who passed on earlier. Also in attendance were Hajah Nor Azura Haji Mohd Tahir, CEO of Nexus and other management members.*




Awang Hj Erifin bin Hj Mohd Yusof memimpin bacaan tahlil dan doa arwah  
*Awang Hj Erifin bin Hj Mohd Yusof leading the recitation of tahlil and doa*



Kakitangan dan rakan sekerja yang menghadiri majlis tahlil  
*Staff and associates attending the tahlil ceremony*

## SATU LAGI KUMPULAN MENAMATKAN BENGKEL PENULISAN CV DAN TEMUDUGA *ANOTHER GROUP COMPLETES THE CV WRITING & INTERVIEW WORKSHOP*



Kumpulan ke-4 rakan sekerja yang menamatkan bengkel penulisan CV dan temuduga  
*The 4th group of associates who completed the CV writing and interview workshop*